

## 4.2.4 Perkembangan Sosiobudaya

### 1. Sistem Tulisan dan Bahasa

- Tulisan Palava dan Kawi yang berasal dari India digunakan dengan meluas.
- Tulisan Jawi dibentuk daripada huruf-huruf Arab yang diguna oleh masyarakat Melayu hingga kini.

### 2. Persuratan

- Mulanya dalam bentuk batu bersurat sehingga lahir karya-karya dalam bentuk manuskrip.

### 3. Seni Bina

- Memudahkan kehidupan dalam perkembangan kegiatan pertanian, pelayaran, perdagangan dan keagamaan.

### Amalan Beragama

1. Mengamalkan sifat terbuka.
2. Mengamalkan sifat toleransi.
3. Agama jadi simbol penyatuan raja dan rakyat.
4. Golongan agama diberi tempat dan status yang istimewa dalam kerajaan.
5. Candi besar dibina sebagai lambang keagungan sesebuah kerajaan.
6. Masjid dibina sebagai pusat ibadat, pendidikan dan kebajikan.



## Penilaian Tahap Penguasaan 4.2.4

### 1. Lengkapkan pernyataan berikut. **TP 1**

Keunikan perkembangan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu dapat dilihat dalam aspek \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.

### 2. Lengkapkan pernyataan berikut tentang keunikan warisan dalam amalan beragama. **TP 3**

|         |         |        |        |          |           |
|---------|---------|--------|--------|----------|-----------|
| Brahmin | terbuka | ibadat | masjid | madrasah | penasihat |
|---------|---------|--------|--------|----------|-----------|

- (a) Masyarakat kerajaan Alam Melayu mengamalkan sifat \_\_\_\_\_ dan sifat toleransi dalam amalan beragama.
- (b) Golongan \_\_\_\_\_ mempunyai peranan yang besar semasa pertabalan raja.
- (c) Dalam kerajaan Funan, Srivijaya dan Angkor, golongan agama dilantik sebagai pentadbir dan \_\_\_\_\_ pemerintah.
- (d) Candi Borobudur dan Angkor Wat menjadi institusi agama yang berperanan sebagai pusat \_\_\_\_\_, tempat pemujaan roh nenek moyang dan pusat perhimpunan para pendeta.
- (e) \_\_\_\_\_ dibina apabila agama Islam tersebar.
- (f) Institusi pondok atau \_\_\_\_\_ merupakan keunikan sistem pendidikan Islam yang diteruskan hingga hari ini.

### 3. Sebagai generasi kini, bagaimanakah cara untuk memelihara keunikan warisan masyarakat kerajaan Alam Melayu? **TP 4** **KEAT** **Menjana Idea**

---

---

---